

Helah hasut pekerja: PM

BH 26 JUN 1990

AKAU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa ada pertubuhan buruh antarabangsa merancang melumpuhkan ekonomi Malaysia kerana bimbang terhadap daya saingnya dalam pasaran antarabangsa.

Katanya, rancangan ini terbukti dengan campur tangan mereka dalam menghasut pekerja-pekerja di Korea dan Taiwan supaya sering melakukan mogok yang kini menyebabkan ekonomi kedua-dua negara terjejas.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan golongan pekerja di negara ini supaya berhati-hati terhadap taktik kotor pergerakan buruh berkenaan dan tidak memilih sikap konfrontasi seperti mogok kerana tindakan itu sudah lapuk.

Mengulas mengenai tindakan Persekutuan Buruh Amerika

dan Kongres Pertubuhan Perindustrian (AFL-CIO) serta Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Asasi Buruh Antarabangsa (ILRERF) mengemukakan petisən mendesak Amerika Syarikat menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) kepada Malaysia, beliau berkata:

"Pertubuhan-pertubuhan itu sebenarnya mahu pekerja kita mengadakan mogok seperti yang dilakukan di Korea, kerana mereka sedar negara membangun sekarang mampu bersaing dengan mereka.

"Mereka mahu pekerja kita menimbulkan masalah sehingga negara tidak boleh mengeluarkan barang yang lebih murah daripada keluaran di Amerika."

Ketika berucap dalam perjumpaan rakyat di sekolah Menengah Vokasional di sini, beliau menyatakan dukacita

kerana pemimpin pergerakan pekerja di Malaysia seolah-olah tidak nampak niat buruk pertubuhan-pertubuhan berkenaan.

Sehubungan itu, perdana menteri menegaskan bahawa kerajaan tidak akan tunduk terhadap desakan mana-mana kuasa asing dalam menentukan apa jua dasar negara ini, termasuk berkaitan undang-undang buruh.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia bebas dan berhak membuat apa yang difikirkan baik untuk rakyatnya.

"Jika kita patuh kepada kehendak negara asing atau membenarkan mereka membentuk undang-undang kita, maka Malaysia tidak bebas dan merdeka lagi," katanya.

Bercakap kepada pemberita

di akhir lawatan seharinya ke Perlis, Perdana Menteri menyelar sesetengah pemimpin kesatuan sekerja, seperti Encik V David dan Encik Zainal Rampak, kerana menggunakan kuasa asing untuk menekan kerajaan.

"Mereka berminat menjadi pemimpin kesatuan sekerja elektronik kerana mempunyai duit dan kuasa untuk digunakan bagi kepentingan politik mereka," katanya.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat membenarkan penubuhan kesatuan sekerja elektronik secara menyeluruh kerana bukan semua kilang memperoleh untung.

Menerusi penubuhan kesatuan dalaman, katanya, sebarang tuntutan pekerja di kilang tertentu tidak akan membabitkan seluruh industri elektronik.